



EKSPLORASI JAHITAN SULAMAN PADA BEG KEPIT ANYAMAN ROTAN

ZAKIAH BINTI AHMAD

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)**

2017

EKSPLORASI JAHITAN SULAMAN PADA BEG KEPIT ANYAMAN ROTAN

ZAKIAH BINTI AHMAD

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 20th JUNE, 2017.

Student's Declaration:

I ZAKIAH BINTI AHMAD (44731), FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS (FACA) hereby declare that the work entitled EKSPLORASI JAHITAN SULAMAN PADA BEG KEPIT ANYAMAN ROTAN is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

20th JUNE 2017
Date submitted

ZAKIAH BINTI AHMAD (44731)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I ASSOCIATE PROFESSOR DR. JUNE NGO SIOK KHENG hereby certifies that the work entitled EKSPLORASI JAHITAN SULAMAN PADA BEG KEPIT ANYAMAN ROTAN was prepared by the above named student, and was submitted to the FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS (FACA) as a * ~~partial~~ full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APLLIED ARTS WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: ASSOCIATE PROFESSOR
DR. JUNE NGO SIOK KHENG

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
20th JUNE 2017

Supervisor signature: _____
20th JUNE 2017

Current Address:

No 27 A, Jalan Sutera Idaman 6/3, Taman Sutera Idaman, 08000 Sungai Petani, Kedah.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGESAHAN

Projek bertajuk **Eksplorasi Jahitan Sulaman Pada Beg Kepit Ayaman Rotan** telah disediakan oleh **Zakiah Binti Ahmad** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka**).

Diterima untuk diperiksa :

.....

(Prof. Madya Dr. June Ngo Siok Kheng)

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertai ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

.....

(Zakiah Binti Ahmad)

No. Matrik: 44731

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmat Nya sehingga dapat saya menyempurnakan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelaras penulisan ilmiah ini iaitu Prof. Madya Dr. June Ngo Siok Kheng selaku penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tugas ini. Tidak lupakan kepada Cik Norhayati Binti Suleiman dan En. Asrul Asshadi B. Mohamad Morni yang turut memberikan idea-idea bernas bagi memantapkan prestasi projek ini. Selain itu, Encik Azman B. Mustapha selaku juruteknik yang banyak membantu saya dalam bentuk teknikal.

Ribuan terima kasih juga kepada ibu saya Rahmah Binti Mohamad dan keluarga yang banyak membantu dari segi kewangan serta memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga buat rakan seperjuangan yang sentiasa di sisi, yang turut membantu saya. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat, kerana mereka semua saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekali lagi saya memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Allah s.w.t di dunia dan akhirat.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Borang Pengesahan Status Tesis	i
Pengesahan	iii
Pengakuan	iv
Penghargaan	v
Abstrak	xii
<i>Abstract</i>	xiii
 BAB 1: PENGENALAN/LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyataan Masalah	3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Skop Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Limitasi Kajian	6

BAB 2: KAJIAN LEPAS/KUPASAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	7
2.1 Maksud Sulaman	8
2.2 Maksud Anyaman dan Rotan	9
2.3 Kerangka Konsep	11
2.4 Kesimpulan	12

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan	13
3.1 Kerangka Kajian	14
3.2 Kaedah Kajian Primer	16
3.2.1 Pemerhatian	16
3.2.2 Borang Kaji Selidik	16
3.2.3 Eksperimentasi	17
3.3 Kaedah Kajian Sekunder	17
3.3.1 Bahan Berjilid	17

3.3.2 Internet	18
3.4 Kesimpulan	18
 BAB 4: HASIL DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	20
4.1 Pemerhatian	20
4.2 Analisa Borang Kaji Selidik	21
4.2.1 Bahagian A (Demografi)	21
4.2.2 Bahagian B (Umum)	26
4.2.3 Bahagian C (Elemen Reka Corak)	28
4.2.4 Bahagian D (Cadangan Responden)	34
4.3 Eksperimen	35
4.3.1 Kajian Eksperimen 1	35
4.3.2 Kajian Eksperimen 2	39
4.3.3 Kajian Eksperimen 3	41
4.3.4 Proses Jahitan	43

4.4 Bahan Berjilid	44
4.5 Internet	45
4.6 Kesimpulan	45
BAB 5: PRODUK AKHIR	
5.0 Pengenalan	46
5.1 Proses Rekaan	47
5.2 Perkembangan Idea	48
5.2.1 Konsep Rekaan	48
5.2.2 Lakaran Idea	49
5.3 Produk Akhir	51
5.3.1 Produk Akhir 1	51
5.3.2 Produk Akhir 2	52
5.3.3 Produk Akhir 3	53
5.3.4 Produk Akhir 4	54

5.4 Kesimpulan	55
----------------	----

BAB 6: VALIDASI PRODUK

6.0 Pengenalan	56
----------------	----

6.1 Keputusan Validasi	57
------------------------	----

6.1.1 Bahagian A (Demografi)	57
------------------------------	----

6.1.2 Bahagian B (Reka Bentuk Beg Anyaman)	62
---	----

6.2 Kekuatan Produk	64
---------------------	----

6.3 Kelemahan Produk	65
----------------------	----

6.4 Kesimpulan	65
----------------	----

BAB 7 : KESIMPULAN

7.0 Kesimpulan	67
----------------	----

RUJUKAN	69
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A

Harta Intelek

Tuntutan

Lampiran B

Borang Kaji Selidik

Borang Validasi

Lampiran C

Pengiraan Kos

ABSTRAK

Sulaman adalah merupakan salah satu bentuk seni kerajinan tangan atau teknik kreativiti menghias dengan cara jahitan tusuk hias menggunakan benang denim. Kajian ini merangkumi beberapa kombinasi sulaman pada anyaman rotan. Kajian ini juga memfokuskan kepada aplikasi teknik sulaman untuk menghasilkan corak keatas beg kepit anyaman rotan. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk menginovasikan anyaman rotan dengan cara sulaman tangan bagi menggantikan motif yang biasa dianyam dengan menggunakan teknik sulaman. Satu koleksi beg kepit yang disulam dan mempunyai corak menarik telah dihasilkan pada akhir kajian ini.

ABSTRACT

Embroidery is a form craft art by hand or decorating creativity technique by hand sewing using to denim thread. This research includes a combination of embroideries on rattan weave. This research is focused on the application of embroidery technique to produce motifs on rattan bag. Therefore, this research to innovate rattan weave with hand embroidery technique to replace the plaited motifs. A collection of bags using the embroidery technique and have interesting patterns were produced at the end of the study.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Rotan merupakan salah satu tumbuhan secara alami yang tumbuh di dalam hutan atau di belukar. Tumbuhan rotan juga merupakan sejenis kelompok tanaman palma dan tergolong dalam spesies tumbuhan memanjat atau merambat. Selain itu, tumbuhan rotan dikenali sebagai tumbuhan yang berduri. Tumbuhan rotan juga banyak tersebar di wilayah seperti Afrika, Asia dan Australasia. Di samping itu, perkataan rotan berasal daripada bahasa Melayu iaitu 'raut' yang bermaksud mengupas, menguliti dan menghaluskan. Manakala dalam bahasa Yunani dikenali sebagai *Lepidocaryodidea* yang bermaksud kumpulan tanaman yang memanjat. Dari segi saintifik pula rotan dinamakan sebagai *Calamus*, *Deamonocrops* dan *Oncocalamus*.

Manakala seni anyaman adalah merupakan anyaman yang diperbuat daripada tumbuhan rotan dan direka bentuk menjadi pelbagai produk kraftangan. Seni anyaman juga merupakan bentuk kraftangan yang menggunakan bahan daripada tumbuh-tumbuhan. Di samping itu, menganyam ialah suatu proses untuk menyaringkan beberapa jenis daun atau tumbuhan dengan cara menyusun dan menyusupkannya antara satu sama lain. Seterusnya, anyaman juga boleh dibuat daripada beberapa jenis tumbuhan lain seperti daun pandan, buluh, bemban dan mengkuang. Biasanya bahan tersebut mudah didapati daripada tumbuhan meliar atau ditanam. Tumbuhan tersebut boleh dianyam sehingga menjadi bakul, beg, topi, tudung saji dan sebagainya.

Sulaman adalah salah satu teknik menjahit yang bertujuan untuk menghasilkan dekoratif dengan menggunakan benang sulam. Selain benang hiasan bahan lain juga turut digunakan untuk membuat sulaman seperti mutiara, potongan logam, manik, bulu-bulu dan sebagainya. Seterusnya, sulaman juga dikenali sebagai suatu seni persembahan reka bentuk yang kreatif. Di samping itu, sulam juga turut dikenali sebagai 'suji'. Sulaman juga adalah kegiatan untuk menghasilkan hiasan diatas kain, kulit mahupun kertas. Selain itu, sulaman dapat dilakukan dengan cara sulaman tangan dan sulaman mesin.

Oleh itu, penyelidik bercadang untuk membuat kajian mengenai jahitan sulaman untuk menghasilkan suatu kelainan pada anyaman rotan tanpa motif serta menginovasikan dengan kaedah sulaman pada permukaan anyaman rotan dengan tujuan untuk menghasilkan seni reka tekstil pada produk anyaman tersebut. Sulaman yang dihasilkan menimbulkan dimensi jahitan pada permukaan beg kepit anyaman rotan.

1.1 Penyataan Masalah

Berdasarkan kajian awal yang dibuat oleh penyelidik, terdapat beberapa permasalahan yang dikenalpasti dalam kajian iaitu:

Antara permasalahan dalam kajian ini yang pertama ialah kajian mengenai jahitan sulaman pada permukaan anyaman masih belum pernah dikaji. Jahitan sulaman biasanya dibuat pada fabrik dan telah menjadi suatu kebiasaan. Selain itu, sulaman pada anyaman rotan tidak pernah dilakukan oleh masyarakat pada masa kini dan anyaman rotan juga tidak diperluaskan atau dikembangkan. Di samping itu, motif anyaman yang dihasilkan hanya dianyam sahaja dan menjadi kebiasaan dalam menghasilkan reka corak. Bagi mewujudkan suatu perbezaan pada masa kini produk anyaman rotan dipilih untuk mewujudkan dimensi jahitan sulaman pada permukaan anyaman tersebut untuk menghasilkan motif.

Selain itu, permasalahan yang kedua ialah anyaman rotan tidak diinovasikan secara meluas. Produk anyaman rotan tidak dipelbagaikan hal ini menyebabkan produk anyaman tidak mendapat sambutan dan tidak menarik minat oleh golongan masyarakat. Motif anyaman yang dihasilkan kelihatan sama serta biasa menyebabkan orang ramai tidak berminat untuk memiliki produk anyaman.

Seterusnya, generasi muda pada masa kini tidak minat membuat sulaman tangan dan menganyam. Hal ini demikian kerana, generasi sekarang tidak lagi memandangkan kepakaran dalam bidang seni jahitan dan anyaman. Di samping itu, mereka gemar mencari pekerjaan di bandar dan tidak ada masa untuk belajar menganyam dan menjahit. Mereka juga terlalu sibuk dengan pekerjaan manakala pelajar sibuk dengan pelajaran masing-masing bagi yang berpendidikan tinggi.

Selain itu juga, jahitan sulaman hanya dipelajari sebagai amali jahitan. Hal ini demikian kerana, amali jahitan hanya dipelajari di kelas-kelas jahitan dan hanya mempelajari jahitan asas sulaman serta teknik jahitan sulaman tidak dikembangkan secara meluas. Di samping itu, jahitan sulaman yang dipelajari juga terhad dan tidak menyeluruh dalam menghasilkan kepelbagaian reka corak sulaman tangan.

Permasalahan terakhir ialah golongan remaja menganggap jahitan sulaman dan anyaman merumitkan. Hal ini demikian kerana, sulaman tangan dan anyaman dianggap suatu pekerjaan yang rumit dan menyukarkan. Di samping itu, sulaman dan anyaman juga mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan menyebabkan generasi muda masa kini tidak minat untuk membuat sulaman dan anyaman. Manakala anyaman dianggap rumit kerana proses untuk menganyam adalah susah dan sukar untuk dilakukan. Golongan remaja menganggap sedemikian kerana mereka tidak memiliki kemahiran menjahit dan menganyam menyebabkan sulaman dan anyaman dilupakan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

- 1) Untuk mengidentifikasikan ciri-ciri jahitan sulaman.
- 2) Untuk mengeksperimentasi pelbagai jenis jahitan sulaman dan benang.
- 3) Untuk menghasilkan pelbagai rekaan produk dalam teknik jahitan sulaman.
- 4) Untuk membuat validasi terhadap produk akhir.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian merupakan jangkauan berdasarkan topik, lokasi atau liputan kajian dan peringkat umur. Pengkaji memfokuskan kajian terhadap sulaman tangan pada permukaan anyaman rotan. Penyelidik mengeksperimentasi sulaman ini dari segi kesesuaian bahan yang digunakan dan tekstur sulaman pada anyaman. Seterusnya, mengkaji elemen motif yang bersesuaian pada permukaan anyaman. Lokasi kajian ini tertumpu di sekitar Bandaraya Kuching, Sarawak. Golongan wanita adalah merupakan sasaran dalam kajian ini iaitu dalam lingkungan 25 tahun hingga 45 tahun.

1.4 Kepentingan Kajian

Anyaman rotan dapat diinovasikan secara meluas dengan mengaplikasikan motif sulaman pada permukaan anyaman. Di samping itu, dapat memperbaharui motif sulaman pada anyaman dan dapat menghasilkan tekstur motif yang berbeza seperti yang sedia ada. Jahitan sulaman ini juga mempunyai potensi untuk dikaji. Selain itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneroka dan menilai ciri-ciri jahitan sulaman serta mempelajari tentang seni jahitan. Manakala anyaman rotan turut digunakan sebagai bahan utama tujuannya adalah untuk menggantikan penggunaan kain yang biasa digunakan untuk membuat sulaman. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memperkenalkan seni kraf sulaman tangan dengan mewujudkan sesuatu kelainan dan perbezaan pada anyaman rotan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikenalpasti oleh penyelidik telah wujudnya beberapa persoalan dalam kajian ini iaitu:

- 1) Apakah maksud sulaman dan anyaman rotan?
- 2) Bagaimanakah jahitan sulaman dapat memberikan hasil yang lebih baik pada permukaan anyaman rotan?
- 3) Kenapa motif anyaman dihasilkan melalui kaedah sulaman?
- 4) Bagaimanakah tekstur sulaman pada permukaan anyaman?

1.6 Limitasi Kajian

Limitasi kajian adalah bermaksud kekangan untuk mendapatkan sesuatu maklumat dalam kajian. Antara halangan yang akan dihadapi oleh penyelidik ialah penyelidik memerlukan kos kewangan yang tinggi dan masa yang begitu terhad menyukarkan penyelidik untuk mengumpul maklumat dengan lebih terperinci.

BAB 2

KUPASAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Kupasan literatur merupakan kajian lepas yang telah dilakukan dan berkaitan dengan kajian yang dilakukan pada masa kini. Bab ini juga membincangkan secara terperinci mengenai konsep dan teori yang berkaitan dengan subjek kajian. Selain itu, bab ini penting kerana dapat memberikan liputan yang menyeluruh dari segi teoritikal tentang fokus kajian serta membuat rumusan tentang kajian yang dijalankan berdasarkan konsep-konsep yang dinyatakan. Menurut Cooper (1998), menyatakan bahawa:

“....a literature review uses as its database reports of primary or original scholarship, and does not report new primary scholarship itself. The primary reports used in the literature may be verbal, but in the vast majority of cases reports are written documents. The types of scholarship may be empirical, theoretical, critical/analytic, or methodological in nature. Second a literature review seeks to describe, summaries, evaluate, clarify and integrate the content of primary reports”.

Oleh itu, kajian ini adalah berkaitan dengan eksplorasi jahitan sulaman iaitu menghasilkan motif sulaman pada beg kepit anyaman rotan atau menginovasikan barangan anyaman.

2.1 Apakah yang dimaksudkan dengan sulaman?

Sulaman adalah merupakan kraftangan yang dihiasi dengan pelbagai motif pada fabrik atau pada bahan lain dengan menggunakan sebatang jarum dan benang. Selain itu, sulaman juga tergolong dari segi penggunaan seperti mutiara, manik, bulu-bulu dan labuci (*sequins*). Kini sulaman boleh didapati pada pakaian, perkakas rumah tangga dan sebagainya. Sulaman juga boleh dihasilkan dengan kepelbagaian variasi warna benang. Seterusnya, jahitan sulaman mempunyai pelbagai teknik jahitan untuk menghasilkan motif-motif yang menarik iaitu melalui teknik jahitan seperti jahitan berantai, jahitan insang pari, jahitan jelujur halus, jahitan suji bilang dan sebagainya.

Menurut Mariam Abu Bakar (2007), menjelaskan bahawa sulaman merupakan salah satu bentuk seni kerajinan tangan yang tertua dan telah wujud sekitar 2000 tahun yang silam. Orang Romawi menggambarkan sebagai ‘melukis dengan jarum’. Namun orang *Babylonia* yang menamakan teknik ini sebagai ‘*Embroidery*’. Selain itu, seni sulaman juga digunakan secara meluas untuk keperluan dekorasi, peralatan rumah tangga, upacara keagamaan bahkan hiasan kerajaan. Sulaman pada pakaian pula menjadi sebagai simbol kemewahan. Pengkaji menyokong pernyataan Mariam Abu Bakar dan merasakan sulaman yang dihasilkan tidak semestinya pada permukaan fabrik dan tidak hanya pada peralatan rumah atau dekorasi malahan sulaman dapat dipelbagaikan dengan kaedah lain iaitu pada aksesori-aksesori wanita supaya dapat menampilkan ciri-ciri imej yang berbeza. Oleh itu, berdasarkan kajian ini sulaman tangan amat berpotensi untuk dikaji kerana sulaman merupakan seni kraf yang bernilai tinggi.

2.2 Anyaman dan Rotan?

Menurut Anna Durin (2014), menjelaskan bahawa seni anyaman ialah hasil yang dicipta dengan cara menganyam. Menganyam merupakan proses menjalin seperti jaluran daun, lidi, rotan, akar, buluh dan beberapa jenis tumbuhan lain. Selain itu, menganyam ialah suatu proses menyaringkan beberapa jenis daun atau tumbuhan dengan cara menyusun dan menyusupkannya antara satu sama lain. Terdapat beberapa jenis reka bentuk kraftangan yang telah dihasilkan melalui anyaman untuk mencipta sesuatu alat keperluan harian. Para petani dan nelayan misalnya, menghasilkan topi, tudung saji dan bakul anyaman untuk mengisi dan menyimpan ikan serta hasil pertanian mereka. Mereka juga menganyam tikar sebagai alas tempat duduk dan bagi kegunaan lain.

Selain itu, menurut Noor Hafiza (2013), memberikan pendapat bahawa anyaman merupakan satu daripada pelbagai teknik yang digunakan dalam penghasilan kraftangan masyarakat Melayu. Anyaman turut dikenali dengan anyaman angkat iaitu teknik menganyam yang dilakukan dalam aktiviti mengikat helai atau bilah anyam satu, dua, tiga, atau empat bagi mewujudkan mata anyaman kelarai atau dikenali juga sebagai motif. Tambah beliau lagi anyaman merupakan teknik-teknik dalam menjalur helaian bilah daun, lidi, rotan, akar, buluh atau beberapa jenis tumbuhan yang lain. Pengkaji menyokong pernyataan yang diberikan oleh Noor Hafiza dan merasakan anyaman tradisional perlu diteruskan bagi mengekalkan teknik anyaman kepada generasi akan datang malah anyaman juga merupakan anyaman warisan Melayu yang mempunyai nilai estetik yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Oleh itu, berdasarkan daripada kajian ini produk anyaman perlu diinovasikan agar dapat mewujudkan suatu idea atau rekaan yang baru serta dapat menarik minat orang ramai dengan produk anyaman.